

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air tidak menerima sebarang cadangan mengenai pembangunan projek loji jana kuasa *lignite* di Tawau, Sabah. Sebarang cadangan pembangunan baharu bagi projek jana kuasa di Sabah akan melalui proses perancangan yang teliti, agar kos pembangunan tidak membebankan pengguna.
2. Oleh itu, tidak timbul persoalan mengenai pembatalan projek loji jana kuasa gas di Sandakan. Malah, kerajaan telah mengeluarkan *Conditional Letter of Award (CLoA)* untuk pembangunan loji jana kuasa dengan kapasiti 300MW di *Palm Oil Industrial Cluster (POIC)* Sandakan, Sabah kepada Sabah Development Energy (Sandakan) Sdn. Bhd. (SDESSB) yang merupakan syarikat milik Kerajaan Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih

.....